

30 JUL 2002

DR MAHATHIR MENERIMA KUNJUNGAN POWELL

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, pagi ini.

Dr Mahathir dan Powell membincangkan pelbagai isu dua hala dalam pertemuan selama 40 minit itu.

Turut hadir semasa kunjungan itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Duta Amerika ke Malaysia, Marie Huhtala.

Powell kini berada dalam rangka lawatan lapan hari ke negara-negara Asia bermula Sabtu lepas dan bekas jeneral itu telah singgah di India dan Pakistan, sebelum tiba di ibu negara semalam.

Powell akan berlepas ke Singapura petang ini dalam perjalanan ke Bandar Seri Begawan, Brunei untuk menghadiri Forum Serantau Asean (ARF) di mana Amerika dan Asean dijangka meluluskan deklarasasi anti keganasan.

Selepas mesyuarat ARF, Powell akan ke Indonesia dan Filipina sebelum mengakhiri jelajah diplomatiknya.

-- BERNAMA

MHI AZH MFJ PR